



**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 ()
Tarikh : 15 Disember 2021

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G1** dalam kategori pengkhususan **B04** dan **CE21**, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

BP 02/2022 : **Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penyelenggaraan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di RAHR Pengkalan Durian II, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan**

2. Kontraktor - kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut dimaklumkan bahawa tiada taklimat dan lawatan tapak. Walaubagaimanapun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak sendiri ke tapak berkaitan dengan mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) sebelum mengemukakan tawaran harga dengan lebih tepat.
3. Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga ini hendaklah membuat pendaftaran secara online melalui '**Google Form**' dimana pautan link akan dimuat turun di dalam **Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan (www.ns.gov.my)** pada **22 Disember 2021 (Rabu)** bermula jam **9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja**.
4. Borang sebutharga akan mula dijual pada **23 Disember 2021 (Khamis)** sehingga **30 Disember 2021 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar melalui 'Google Form' dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja yang dibenarkan membeli borang**. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

| HARI | WAKTU |
|----------------|-----------------------------|
| ISNIN – KHAMIS | 8.30 pagi – 12.30 tengahari |
| JUMAAT | 8.30 pagi - 12.00 tengahari |

5. Sebutharga akan ditutup pada **30 Disember 2021 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
6. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAH BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(MARHIZAH BINTI ABDUL RAZAK)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Perumahan